

**Kerajaan Terengganu Agih Tanah Dijadikan Sebagai Pendemokrasian
Bernama
17 April , 2012**

HULU TERENGGANU, 17 April (Bernama) -- Kerajaan Terengganu menjadikan pengagihan tanah kepada rakyat negeri itu sebagai sistem Pendemokrasian Tanah Rakyat Terengganu.

Menteri Besar Datuk Seri Ahamd Said berkata dasar kerajaan negeri itu ialah untuk memberi satu lot tapak kediaman atau tanah pertanian kepada setiap keluarga kelahiran Terengganu yang masih belum mempunyai tanah.

"Kita bagi kepada mereka yang memohon dengan syarat mereka masih belum mempunyai tanah untuk lot kediaman ataupun tanah pertanian.

"Setiap keluarga kita bagi sama ada lot untuk tapak rumah ataupun lot pertanian iaitu kita bagi dua ekar dengan syarat mereka (suami atau isteri) masih belum mempunyai sebarang tanah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika berucap pada majlis pengagihan geran hak milik tanah kepada 1,372 penerima daerah Hulu Terngganu di sini Selasa.

-- BERNAMA

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659725>